



KOPERASI QARYAH MASJID TAMAN BERTAM INDAH
KEPALA BATAS BERHAD
TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS, SPU, P.PINANG
(Bil.Daftar P-03-0303 / Ruj. JPK.PP.050/01/303.C1)

MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE 9 KOPERASI QARYAH MASJID TAMAN BERTAM INDAH KEPALA BATAS BERHAD

TARIKH / HARI : 13 November 2016 / Sabtu

MASA : 9.00 pagi

**TEMPAT : Dewan At Taqwa, Masjid At Taqwa, Taman Bertam Indah,
Kepala Batas, S.Perai, Pulau Pinang**

KEHADIRAN : Kehadiran 122 Anggota

A. Anggota Lembaga Koperasi (ALK) - 12 Orang

BIL	NAMA	JAWATAN	NO.ANGGOTA
1.	AHMAD ZAKIYUDDIN B. ABD RAHMAN	PENGERUSI	050
2.	ROSLI BIN HARON	SETIAUSAHA	056
3.	ABDUL GHAFAR BIN MOHD NOOR	BENDAHARI	149
4.	AZMI BIN ISMAIL	ANGGOTA LEMBAGA	070
5.	ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH	ANGGOTA LEMBAGA	074
6.	ABDUL RAZAK BIN MOHD ALI	ANGGOTA LEMBAGA	128
7.	ANWARUDDIN BIN ISMAIL	ANGGOTA LEMBAGA	115
8.	HASBULLAH BIN ABU HASAN	ANGGOTA LEMBAGA	006
9.	ISHAK BIN SALLEH	ANGGOTA LEMBAGA	002
10.	MARZUKI BIN ABD RAZAK	ANGGOTA LEMBAGA	032
11.	ROMLI BIN JAAFAR	ANGGOTA LEMBAGA	171
12.	SEMPERNA BIN DIN	ANGGOTA LEMBAGA	067

B. Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) - 3 Orang

BIL	NAMA	JAWATAN	NO.ANGGOTA
1.	AHMAD MUSTAZAF BIN OSMAN	AHLI JAD	005
2.	SHAARI BIN SAAD	AHLI JAD	071
3.	ZUBIR BIN BASIR	AHLI JAD	108

C. Anggota Koperasi – 107 Orang

BIL	NAMA	JAWATAN	NO.ANGGOTA
1.	AB JALIL BIN JAAFAR	ANGGOTA	359
2.	ABD AZIZ BIN MD ZAIN	ANGGOTA	162
3.	ABD AZIZ BIN MOHD SALLEH	ANGGOTA	25
4.	ABD RAZAK BIN OMAR	ANGGOTA	331
6.	ABDUL MALIK BIN ABDUL RAZAK	ANGGOTA	191
7.	ABDUL RAHMAN BIN ABD GHANI	ANGGOTA	014
8.	ABDULLAH BIN AHMAD	ANGGOTA	123
9.	ABDULLAH BIN AZIZ	ANGGOTA	365
10.	ABDULLAH BIN ISHAK	ANGGOTA	025
11.	ABDULLAH BIN SALLEH	ANGGOTA	368
12.	AHMAD JAMAL BIN ARSHAD	ANGGOTA	300
13.	AHMAD ZANI BIN ISHAK	ANGGOTA	320
14.	AHMAD ZAWAWI BIN MOHD ALI	ANGGOTA	100
15	ALIYASHAK BIN OTHMAN	ANGGOTA	142
16.	AMERUDDIN BIN MOHD YUSOFF	ANGGOTA	126
17.	AZMI BIN DIN	ANGGOTA	135
18.	BADRUL HISHAM BIN BIDIN	ANGGOTA	253
19.	BAHARUDIN BIN OMAR	ANGGOTA	237
20.	CHE HASSAN BIN MD ISSA	ANGGOTA	188
21.	GHAZALI BIN SHAFIEE	ANGGOTA	216
22.	HILMY BIN RUSLI	ANGGOTA	361
23.	HJ. RAMLI B. ABD RAHMAN	ANGGOTA	227
24.	HUSIN BIN TAK	ANGGOTA	085
25.	IBRAHIM BIN HASSAN	ANGGOTA	013
26.	IMRAN BIN ABDUL KHALID	ANGGOTA	215
27.	ISHAK BIN AHMAD	ANGGOTA	345
28.	ISMAIL BIN MOHAMAD	ANGGOTA	195
29.	JUNID BIN AYOB	ANGGOTA	012

30.	KYAIRUN NAIM B. ABDUL LATIF	ANGGOTA	252
31.	MANSOR BIN ABD SAMAT	ANGGOTA	304
32.	MAT ZAIN BIN MD SALEH	ANGGOTA	039
33.	MAT ZAN BIN GHAZALI	ANGGOTA	055
34.	MD. SALLEH BIN ABU BAKAR	ANGGOTA	314
35.	MOHAMAD ALI BIN OTHMAN	ANGGOTA	231
36.	MOHAMAD ARIF BIN MUSA	ANGGOTA	351
37.	MOHAMAD BIN K.A. RAZAK	ANGGOTA	354
38.	MOHAMAD FAUDZI BIN EMBY	ANGGOTA	023
39.	MOHAMED BIN ISMAIL	ANGGOTA	060
40.	MOHAMED FARID B. SHAIK ABDUL RAHMAN	ANGGOTA	327
41.	MOHAMMAD LOKHMAN BIN MOHD ROZANI	ANGGOTA	296
42.	MOHAMMAD NOOR AZLAN B HUSSIN	ANGGOTA	157
43.	MOHD AZMI BIN ABDUL AZIZ	ANGGOTA	121
44.	MOHD FAZAL BIN AZNAN	ANGGOTA	197
45.	MOHD HANAFIAH BIN ZAKARIA	ANGGOTA	042
46.	MOHD NAZRI BIN MAT SAID	ANGGOTA	113
47.	MOHD SOBRI BIN MANSOR	ANGGOTA	285
48.	MOHD SUHAIMI BIN AHMAD	ANGGOTA	289
49.	MOHD ZAMRI BIN WAN CHIK	ANGGOTA	183
50.	MUHAMMAD BIN ABD RAZAK	ANGGOTA	091
51.	MUHAMMAD FAUZI BIN SHAARI	ANGGOTA	087
52.	MUHAMMAD RAZIF B. ABDUL RASHID	ANGGOTA	226
53.	MUHAMMAD SHAUKI BIN MAT ZAIN	ANGGOTA	041
54.	MUHAMMAD SUHAIL B. AHMAD MUSTAZAF	ANGGOTA	322
55.	MUHD SHUKRI BIN MD ZAIN	ANGGOTA	189
56.	MUSTAFA BIN BASRI	ANGGOTA	352
57.	MUSTAKIM BIN MD NOOR	ANGGOTA	022
58.	NADZRI B. HAMZAH	ANGGOTA	318
59.	OMAR BIN KASIM	ANGGOTA	212

60.	ROMLI BIN HAMZAH	ANGGOTA	213
61.	ROSLI BIN CHE LAH	ANGGOTA	196
62.	ROSLI BIN OTHMAN	ANGGOTA	065
63.	ROZAHAN BIN RAMLI	ANGGOTA	338
64.	SHAMSUDIN MERICAN B. MOHD MERICAN	ANGGOTA	222
65.	SUHAIMI BIN MOHAMAD ZAIN	ANGGOTA	202
66.	SUHIMI BIN CHE MAN	ANGGOTA	241
67.	WAN AHMAD BIN AWANG	ANGGOTA	180
68.	ZAIDI BIN MOHD ZAIN	ANGGOTA	370
69.	ZAINOL ABIDIN BIN AHMAD	ANGGOTA	264
70.	ZAINON BIN DARUS	ANGGOTA	076
71.	ZAKARIA BIN SULAIMAN	ANGGOTA	192
72.	ZULKIFLI BIN CHE EMBI	ANGGOTA	166
73.	AISHAH BINTI ISNIN	ANGGOTA	301
74.	AZIZAH BT OTHMAN	ANGGOTA	353
75.	AZLINA BINTI ABD GHANI	ANGGOTA	234
76.	CHE PARIDAH BT IDRIS	ANGGOTA	367
77.	CHE ZAKIAH BINTI MUSTAFA	ANGGOTA	040
78.	FADZILAH BINTI HAJI MOHAMAD	ANGGOTA	366
79.	FAUZIAH BINTI EMBONG	ANGGOTA	068
80.	FUZIAH BINTI SAMAT	ANGGOTA	129
81.	HABIBAH BINTI HALIM	ANGGOTA	281
82.	HALIMAHTON BT HAMID	ANGGOTA	224
83.	HALIMATON SAADIAH BT AYOH	ANGGOTA	325
84.	HANIM BT YUSOFF	ANGGOTA	229
85.	HASHITA BT ISHAK	ANGGOTA	323
86.	KHOLIJAHT BT AHMAD	ANGGOTA	350
87.	MAIMUNAH BINTI ABDULLAH	ANGGOTA	371
88.	MARYAMBI BT MD HASHIM	ANGGOTA	303
89.	MASHITOH BINTI RAMLI	ANGGOTA	066

90.	MAZIAH BINTI MD SAFFAR	ANGGOTA	049
91.	MISRAJAH BINTI HJ ISMAIL	ANGGOTA	007
92.	NOORAINI BINTI OMAR	ANGGOTA	015
93.	NOR AZLIN BINTI ABDULLAH	ANGGOTA	114
94.	NORHAI BINTI MAT SHIK	ANGGOTA	243
95.	NORHAYATI SIDIKAH BT ABU BAKAR	ANGGOTA	092
96.	NORLIN BT AHMAD	ANGGOTA	244
97.	NURIAH BINTI ABD RAZAK	ANGGOTA	332
98.	PAUZIAH BINTI ABD RAZAK	ANGGOTA	158
99.	PAZIRAH BT ALI	ANGGOTA	286
100.	ROBA'AYAH BINTI SIDEK	ANGGOTA	312
101.	ROHAYANI BINTI OTHMAN	ANGGOTA	043
102.	ROSIDA BT ABU ISHAK	ANGGOTA	308
103.	ROZITA BINTI BAKAR	ANGGOTA	181
104.	SALMAH BINTI ABDULLAH	ANGGOTA	137
105.	SALMAH BINTI AWANG	ANGGOTA	337
106.	SALMIAH BT ISMAIL	ANGGOTA	357
107.	ZURIAH BT ZAKARIA	ANGGOTA	311

ATURCARA MAJLIS:

- a. Pendaftaran para Anggota Kotaqwa
- b. Bacaan Doa Selamat
- c. Ucapan Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd Rahman Pengerusi Lembaga Kotaqwa
- d. Ucapan Perasmian Yang Berhormat Sr Tuan Haji Muhamad Farid bin Saad Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Pulau Pinang Merangkap Adun Pulau Betong.
- e. Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung

1. Bacaan Doa Selamat

Tuan Haji Hasbullah bin Abu Hassan selaku pengacara memulakan majlis dengan bacaan surah Al Fatihah serta ucapan syukur di atas kejayaan bersama-sama dapat

berhimpun bagi mengadakan mesyuarat agung koperasi bagi kali yang ke sembilan, Beliau juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Sr Tuan Haji Muhamad Farid bin Haji Saad, Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Betong, Wakil SKM, serta jemputan dan anggota koperasi yang hadir, seterusnya memberi penerangan berkenaan perjalanan majlis hari ini dan memohon kerjasama anggota untuk bersama sehingga tamatnya mesyuarat, beliau menjemput Al Fadhil Tuan Imam Ustaz Ir Haji Ahmad Zawawi bin Mohamad Ali untuk menyempurnakan Bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis dan mesyuarat.

2. Ucapan Pengerusi Lembaga Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad

- 2.1. Pengerusi Koperasi Ybhg. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd Rahman bersyukur kerana sekali lagi dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Sr Haji Muhammad Farid bin Haji Saad ADUN Pulau Betong merangkap Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Pulau Pinang, Tuan Imam Ustaz Ir Haji Ahmad Zawawi bin Haji Mohamad Ali , Wakil SKM Cawangan Bukit Mertajam Encik Mohamad Huzaimi bin Mohamad Husein, Pegawai-Pegawai Masjid, Anggota Lembaga dan kepada semua Anggota Koperasi, serta ucapan tahniah kepada Anggota Koperasi yang dapat hadir ke Mesyuarat Agung Koperasi buat kali yang ke 9 ini.
- 2.2. Dato' Pengerusi seterusnya merakamkan penghargaan dan ucapan selamat datang kepada Yang Berhormat kerana sudi buat pertama kalinya datang untuk majlis rasmi di Masjid At Taqwa, ini menunjukkan betapa komitmen Yang Berhormat di dalam pembangunan koperasi di negeri Pulau Pinang ini, lebih-lebih lagi koperasi masjid. Koperasi Masjid yang telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Qaryah Masjid adalah bagi tujuan untuk pembangunan ekonomi ummah dan menjanakan kewangan masjid serta diuruskan berdasarkan skop dan matlamat masjid, pun begitu pengurusan koperasi adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh SKM berpandukan peruntukan akta. Walaupun begitu sekiranya koperasi ini maju menjadi koperasi mega pada suatu hari nanti, pengurusan dengan semangat yang berasaskan ketaqwaan akan dikekalkan sampai bila-bila.
- 2.3. Syukur Alhamdulillah pada tahun ini pencapaian koperasi masjid amat membanggakan kita semua, kerana buat pertama kalinya di dalam 9 tahun penubuhan koperasi telah mencapai Turn Over melebihi RM 1 juta dengan

keuntungan sebanyak lebih dari RM 60 ribu. Pencapaian ini juga adalah yang pertama juga buat koperasi masjid bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang malah di Malaysia, jika dilihat keadaan semasa dengan cabaran perniagaan di luar, agak sukar koperasi untuk berjuang dalam aktiviti utama perolehan koperasi iaitu peruncitan tetapi kita berjaya melakukannya dengan sokongan dan bantuan semua pihak, aktiviti peruncitan dengan tawaran harga yang lebih rendah sebagai matlamat membantu Anak Qaryah, Anggota Koperasi dan masyarakat sekitar. Kejayaan ini menjadi lebih bermakna apabila koperasi masjid kita telah berjaya mendapat anugerah koperasi terbaik kategori komuniti, hadiah yang diterima adalah berupa sijil dan cek bernilai RM 5 ribu pada 13 Ogos 2016 yang lalu, sempena Sambutan Hari Koperasi Negeri Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri KPDNKK. Koperasi juga telah berjaya mendapatkan kelulusan pembiayaan kewangan daripada SKM sebanyak RM 526,000 bagi perolehan sebuah unit kedai 2 tingkat di Pusat Perniagaan Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

- 2.4. Dato' Pengerusi menjelaskan memang ada kebimbangan terhadap persaingan perniagaan dengan pembukaan supermarket dan hypermarket di sekitar Pusat Bandar Bertam, terdapat penurunan jualan yang tinggi pada 4 bulan pertama, tetapi dengan sokongan anggota dan jemaah yang setia pelanggan di kedai koperasi dengan harga yang berpatutan barangan halal dan tayyiban, koperasi masih dapat bertahan dan meningkatkan jualan. Disokong dengan tindakan koperasi mempelbagaikan barangan baru serta lain-lain aktiviti perniagaan yang baru. Kerjasama dengan lain-lain koperasi masjid seperti Kosalam (Koperasi Qaryah Masjid To' Bedu) dan lain-lain sebagai mentor mentee menjalankan aktiviti ekonomi dan penternakan ayam serta memasarkan ayam sejuk beku.
- 2.5. Sepertimana semua sedia maklum Koperasi adalah sebagai "Business Wings" kepada masjid dan semua aktiviti perniagaan terutamanya Bazar Ramadhan, Koop Mart dan lain-lain adalah tertumpu di kawasan masjid, bagaimana pun pada sesi ini Anggota Lembaga telah berjaya membuat perancangan dan melaksanakannya dengan melangkah keluar dari kawasan masjid untuk menjalankan beberapa aktiviti perniagaan iaitu penternakan ayam, kontraktor binaan dan membuat perolehan sebuah rumah kedai 2 tingkat yang baru di kawasan Pusat Perniagaan Bertam / Bertam Walk.
- 2.6. Terdapat banyak cadangan aktiviti perniagaan yang boleh dijalankan oleh koperasi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Qaryah Masjid At Taqwa,

Anggota Lembaga dan Anggota Koperasi serta Anak Qaryah. Cadangan yang baik memang dialu-alukan tetapi semuanya tertakluk kepada matlamat koperasi yang mengutamakan perniagaan yang berteraskan "syariah compliance" dan tidak berkompromi dengan aktiviti perniagaan yang ada kemusykilan dari segi barangan halal tayyiban, cara perolehan dan sumber.

- 2.7. Dato' Pengerusi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sr Tuan Haji Muhamad Farid sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Pulau Pinang dan juga pihak SKM Cawangan Negeri Pulau Pinang yang telah banyak membantu di dalam menjayakan Koperasi Qaryah Masjid ini sejak dari awal penubuhan iaitu Kedai Mini KoTaqwa 1 di Surau At Taqwa, hinggalah di dalam keadaan sekarang di mana koperasi telah banyak mencapai kejayaan. Koperasi telah beberapa kali berjaya mendapat bantuan dari SKM sejak dari tahun 2006, yang pertama sebanyak RM 20,000 untuk membesarkan perniagaan Kedai KoTaqwa 1 kemudian yang kedua Tabung Modal Pusingan (TMP) sebanyak RM 120,000 dan RM 50,000 adalah pinjaman mudah dan selebihnya RM 70,000 adalah untuk barangan dan sistem serta peralatan. Selepas itu, kita juga dapat bantuan untuk pinjaman membina 2 unit gerai berwarna ungu di hadapan masjid yang disewakan untuk perniagaan minuman dan makanan bagi kemudahan jemaah dan anak qaryah. Keempat adalah pinjaman dari SKM sebanyak RM 526,000 untuk perolehan sebuah rumah kedai dari Bertam Properties Sdn Bhd, terima kasih banyak Yang Berhormat kerana menyokong untuk kelulusan permohonan pinjaman ini.
- 2.8. Ucapan terima kasih juga kepada pihak ANGKASA yang telah banyak berkongsi pengalaman untuk pengurusan koperasi dan juga telah menjemput kita untuk berkongsi pengalaman penubuhan, pembangunan dan pengurusan sebuah Koperasi Masjid di pelbagai program seperti seminar dan bengkel di seluruh Malaysia, tidak banyak Koperasi Masjid yang telah ditubuhkan dan yang aktif menjalankan aktiviti adalah amat kurang, banyak lagi perkara dan tindakan yang perlu dimainkan oleh Pengerusi Masjid untuk berkoperasi, alhamdulillah di dalam hal ini koperasi kita boleh membantu sebagai mentor dan mentee bagi koperasi yang baru ditubuhkan.
- 2.9. Dato' Pengerusi melahirkan penghargaan kepada semua Anggota Lembaga yang bersemangat dari tahun ke tahun untuk memberi khidmat kepada Koperasi, di mana setiap masa Anggota Lembaga akan belajar perkara baru di dalam berkoperasi, ada yang mudah diaplikasikan juga ada yang sukar dan inilah

cabarannya yang dihadapi oleh Anggota Lembaga, tetapi di atas komitmen dan merasakan semakin timbul minat yang mendalam di dalam berkoperasi serta makin jelas nampak akan kesatuan di dalam berkoperasi, kemajuan yang akan diperolehi jika koperasi berjaya diuruskan dengan baik adalah satu kepuasan, begitu juga Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) yang tidak pernah gagal dalam menjalankan sesi audit dalaman pada setiap sesi pentadbiran, terima kasih. Bagaimanapun Dato Pengerusi memohon maaf andai ada kekurangan di dalam apa jua perkara yang telah dilakukan oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) semasa sesi ini 2015 - 2016.

- 2.10. Akhirnya Dato' Pengerusi merakamkan penghargaan dan berterima kasih kepada semua anggota di atas kehadiran yang ramai sehingga MAT ke 9 dapat dijalankan, semoga platform ini dapat dijadikan sebagai sesi pertanyaan, penilaian dan sumbang saran bagaimana harus lagi koperasi ini diurus tadbirkan dengan jayanya, juga berkenaan cadangan perniagaan atau idea untuk memajukan lagi koperasi.

3. Ucapan Perasmian Oleh Yang Berhormat Sr Tuan Haji Muhamad Farid bin Haji Saad ADUN Pulau Betong merangkap Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Pulau Pinang.

- 3.1. Yang Berhormat memulakan ucapan dengan bismillah dan salam serta aluan kepada semua hadir. Beliau merakamkan setinggi tahniah kepada Koperasi kerana sekali lagi berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kali Ke 9 dan ribuan terima kasih kerana dijemput untuk merasmikan mesyuarat agung pada hari ini selaku Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi Negeri Pulau Pinang. Inilah buat pertama kali beliau diberi peluang datang dan bersua muka dengan anggota Koperasi Masjid At Taqwa yang sudah amat dikenali sebagai koperasi masjid yang telah berjaya. Berdasarkan Buku Laporan yang sempat dibaca dan dari ucapan Dato' Pengerusi Yang Berhormat melahirkan rasa amat kagum dengan kejayaan yang telah dicapai hasil pengurusan koperasi yang cemerlang oleh barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan para Anggota yang saling membantu menjayakan sebuah Koperasi Masjid, syabas dan tahniah sekali lagi. Beliau melahirkan rasa teruja dapat datang ke sini bagi melihat secara dekat Koperasi Masjid ini yang telah menempa kejayaan dan aktiviti2 yang terbaik antaranya :

- (a) Kejayaan mendapat Anugerah Koperasi Komuniti Terbaik Negeri Pulau Pinang sempena Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 dan mendapat sijil dan wang hadiah RM 5,000.00. Semoga selepas ini kejayaan akan dapat pula dicapai di peringkat Kebangsaan.
- (b) Koop Mart kedai runcit yang menjual beraneka barangan produk bumiputera di kawasan masjid kelihatan amat berjaya dan membuaatkan beliau kagum dengan pengurusan kedai ini, dan dari penyata dan laporan menunjukkan Koop Mart menyumbang pendapatan yang banyak dan telah berkembang maju, menjadi contoh kepada koperasi masjid yang lain.
- (c) Hotel KoTaqwa Inn di perkarangan masjid menjadi simbol kejayaan koperasi yang hebat di dalam sebuah Koperasi Qaryah Masjid, bukanlah kerja mudah untuk menjayakan sebuah Hotel seperti KoTaqwa Inn hingga ke tahap ini, syabas tuan-tuan.
- (d) Yang Berhormat juga melahirkan rasa bangga dengan aktiviti kerja-kerja kontraktor oleh koperasi yang telah berjaya membina bangunan dewan dan pejabat ini serta menempatkan KoTaqwa Inn, kejayaan membina Bangunan Hemodialisis, juga sebuah bangunan tambahan dan di dalam pembinaan sebuah bangunan rumah pengawal serta kedai gunting rambut, semua ini diuruskan oleh koperasi. Jarang ada sebuah Koperasi Qaryah Masjid yang dapat menjalankan aktiviti sebegini, sekali lagi ucapan tahniah KoTaqwa.
- (e) Perolehan pendapatan juga dilihat oleh Yang Berhormat, dari pengurusan Bazar Ramadhan yang berjaya menghasilkan pendapatan koperasi dan masjid serta membantu peniaga-peniaga yang terdiri dari anak qaryah untuk mencari pendapatan lebihan dan menjanakan ekonomi bumiputera, ekonomi islam, di sepanjang ramadhan setiap tahun, Alhamdulillah.
- (f) Selain itu ada juga Kedai Cuci Kereta KoTaqwa yang melengkapkan lagi aktiviti koperasi ini di samping ada 2 unit gerai makan yang disewa kepada anggota di hadapan masjid juga KoTaqwa 1 di Surau At Taqwa. Juga Dato' Pengerusi menyebut berkaitan aktiviti perniagaan yang baru iaitu perniagaan daging ayam yang ditenak melalui sistem mentor mentee, ayam daging yang telah dibungkus cantik dan produk daging ayam yang berkualiti dan hasil ternakan oleh Asnaf dengan kerjasama Pusat Zakat dan Koperasi Qaryah Masjid yan lain. Idea yang amat baik dan mengkagumkan, doa beliau semoga aktiviti ini akan mencapai kejayaan yang maksima, Yang

Berhormat juga boleh membantu dalam hal ini dan kita akan berbincang nanti dengan Anggota Lembaga Koperasi.

(g) Dato Pengerusi memaklumkan bahawa SKM telah meluluskan lebih dari RM 526,000 ribu sebagai pinjaman kepada Koperasi untuk membuat perolehan hartanah, iaitu sebuah Rumah Kedai dengan kadar pinjaman yang amat rendah. Apabila siap nanti dan perniagaan mula beroperasi akan dapat menjanakan lebih lagi pendapatan kepada koperasi masjid yang berani mencuba dan mencari peluang di luar dari kawasan masjid atau qaryah syabas dan tahniah, Yang Berhormat menyokong penuh apabila melihat permohonan dari Koperasi Masjid At Taqwa ini.

(h) Peningkatan Dividen dari rekod 3 tahun iaitu sebanyak 8% kepada 9% dan tahun ini pula dividen adalah 10%, amatlah mengagumkan, sekali lagi tahniah.

3.2. Selanjutnya Yang Berhormat membawa satu kisah berkenaan kumpulan penarik beca yang telah dibawa untuk diberikan kesedaran melalui Kem Motivasi dan lain-lain bagi memajukan diri dan maklumbalas yang didapati dari penarik beca di akhir program adalah mengapa sekarang perlu mereka diberi motivasi jati diri sedangkan mereka sudah tua menunggu mati, mengapa tidak di masa tenaga mereka masih muda kerana kebanyakan mereka juga adalah dari latarbelakang keluarga yang berada tetapi hilang arah dan menjadi pengayuh beca, juga Yang Berhormat membawa satu lagi kisah berkenaan seorang penarik beca yang menelefon di FM Radio Pulau Mutiara, penarik beca tersebut menceritakan bagaimana satu pagi seorang menumpang yang membayar upah menaiki beca dengan sebungkus nasi lemak menggantikan wang yang terlupa dibawa dan alangkah hinanya terasa apabila dibuka bungkus nasi lemak tersebut untuk sarapan ianya hanyalah berisi batu dan pasir, mengapa jika menjadi orang miskin layak mendapat hina sebegini. Yang Berhormat menyeru agar kisah ini dijadikan tauladan betapa untuk kita membantu anak bangsa kita agar tidak terus tenggelam dan menjadi golongan yang dipandang hina di bumi tanah air sendiri, generasi Y perlu diberi kesedaran awal tentang survival anak bangsa kita di negeri ini yang paling mencabar dari hari ke hari, memandangkan komuniti Taman Bertam Indah di sini adalah terdiri dari golongan yang mampu berfikir dan berwawasan maka usaha ini perlu lebih agresif lagi bagi membantu ekonomi

anak bangsa melalui gerakan koperasi yang telah menampakkan kejayaannya, melalui gerakan koperasi kita boleh bersatu tanpa halangan walau ada apapun perbezaan di antara kita, kerana kita mengucap syahadah yang satu.

- 3.3. Yang Berhormat selalu rasa tersenyum bangga apabila di dalam Mesyuarat Exco Koperasi di peringkat Kebangsaan apabila nama Koperasi Qaryah Masjid At Taqwa ini sering disebut sebagai sebuah Koperasi Qaryah Masjid yang berjaya yang boleh dijadikan rujukan untuk semua sebagaimana ucapan Dato' Pengerusi yang menyatakan selalu dijemput untuk perkongsian ilmu kejayaan mengurus sebuah Koperasi Qaryah Masjid.
- 3.4. Menubuhkan koperasi adalah mudah namun untuk menjaganya adalah amat sukar, jika koperasi bermasalah tempoh 9 tahun merupakan jangkamasa panjang, tetapi jika koperasi berjaya tempoh ini adalah jangkamasa yang cukup pendek, maka tuan puan sebagai ahli koperasi mestilah menyokong usaha ini. Yang Berhormat sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Koperasi akan cuba meningkatkan penglibatan semua di dalam koperasi dan kita kena mulakan konsep muslim sokong muslim sebagaimana yang telah dilakukan oleh koperasi, kita tak beli dari kedai lain, melainkan keutamaan hanya di kedai koperasi di mana keuntungan akan dipulangkan kepada ahli dan kembali di dalam pelbagai bentuk, bayangkanlah kuasa membeli yang besar ini kita gunakan untuk membeli barangan daripada koperasi kita sendiri kita akan membina kekuatan ekonomi dan mengambil kuasa ekonomi yang ada pada kaum lain barulah kita akan menjadi kuat.
- 3.5. Yang Berhormat berharap supaya Koperasi Qaryah Masjid KoTaqwa ini yang diterajui oleh Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin mengorak langkah untuk ke tahap yg lebih tinggi dan penjadi pemangkin kepada koperasi lain untuk menjalankan perniagaan, ini kerana di luar sana koperasi-koperasi lain memandang tinggi keupayaan kotaqwa untuk berjaya dan percaya kotaqwa boleh melakukannya. Banyak produk di Pulau Pinang ini yang cantik, yang sedap dan berkualiti untuk diketengahkan tetapi mereka kekurangan modal, jadi kalau Kotaqwa dengan pengurusan yang mantap dan modal yang banyak boleh membantu pengusaha, Yang Berhormat berjanji akan meluluskan permohonan pinjaman mudah dari koperasi ini, jika ada projek sebegini untuk membantu pengusaha melalui koperasi ini.

- 3.6. Pihak Yang Berhormat dengan kerjasama bersama Angkasa dan SKM diharapkan akan dapat melahirkan satu keluarga satu usahawan yang berjaya melalui koperasi, sebab itu Yang Berhormat selalu memaklumkan kepada pihak-pihak yang lain berminat dengan koperasi masjid, jika ingin menubuhkan dan berjaya mengurus koperasi masjid pergi belajar dengan Koperasi At Taqwa Taman Bertam Indah sebagai contoh di Negeri Pulau Pinang dan Negara
- 3.7. Yang Berhormat menyeru kepada Dato' Pengerusi dan seluruh Anggota Lembaga Koperasi ini tolong jangan hampakan harapan pihaknya di Majlis Perundingan Koperasi Negeri, sebab itu setiap permohonan setiap kali diluluskan. Perlu diteruskan semua aktiviti dengan lebih dinamik dan bersama mencipta banyak lagi kejayaan di masa hadapan
- 3.8. Marilah kita bergerak di atas satu kalimah syahadah walaupun berbeza latarbelakang, kerana membantu menegakkan ekonomi ummah adalah satu jihad letakkan perbezaan sekejap di belakang dan mari berganding bahu. Mudah-mudahan kebersamaan ini menjadi pemangkin untuk perkara yang lain bagi sebuah kejayaan di dunia dan membawa ke akhirat.
- 3.9. Yang Berhormat sekali lagi mengucapkan tahniah di atas kejayaan koperasi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan dengan lafaz Bismillah beliau merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad bagi kali yang ke 9. Selamat bermesyuarat.

4. Penyerahan Keuntungan Koperasi Kepada Masjid At Taqwa

- 4.1. Pengerusi Majlis Tuan Haji Hasbullah bin Hasan mengucapkan terima kasih di atas ucapan Yang Berhormat yang banyak memberi kesedaran kepada ahli tentang kepentingan berkoperasi dan melalui koperasi banyak kejayaan yang boleh kita capai bersama.
- 4.2. Tuan Pengerusi Majlis seterusnya menjemput Pengerusi Koperasi Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd Rahman mengiringi Yang Berhormat Sr Tuan Haji Muhamad Farid bin Haji Saad untuk menyerahkan keuntungan tahunan koperasi kepada Masjid At Taqwa di dalam bentuk Cek bernilai **RM 15,834.13** kepada Al Fadhil Tuan Imam Ustaz Ir Tuan Haji Ahmad Zawawi bin Haji Mohamad Ali.

5. Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung Koperasi Kali Ke 9

- 5.1. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd Rahman telah dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi ke 9 atas cadangan Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh dan dipersetujui dengan sebulat suara.

AGENDA MESYUARAT :

1. Ucapan Aluan Pengerusi Mesyuarat

- 1.1. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd. Rahman telah mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan menerangkan tatacara perjalanan mesyuarat beserta dengan agenda mesyuarat.
- 1.2. Terdapat tambahan satu agenda iaitu pengesahan minit Mesyuarat Agung Khas yang telah diadakan pada 24 Februari 2016 bagi mendapat persetujuan anggota koperasi melalui mesyuarat agung terhadap 2 perkara iaitu Keanggotaan Koperasi di dalam Konsortium Koperasi Qaryah Masjid Malaysia Berhad dan Pinjaman Koperasi daripada SKM sebanyak RM 526,000 untuk perolehan rumah kedai dari Bertam Properties Sdn Bhd.
- 1.3. Dato' Pengerusi selaku Pengerusi Mesyuarat dan juga Pengerusi Koperasi memberikan penerangan berkenaan perkara-perkara seperti yang terkandung di dalam Buku Laporan yang diberikan kepada semua anggota yang hadir untuk kefahaman bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 9 ini.

2. Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke 9 (6 Anggota Koperasi dan 4 Anggota Lembaga)

- 2.1. Encik Mansor bin Abd Samat mencadangkan supaya mesyuarat mengekalkan 6 orang Anggota Jawatankuasa terdahulu sekiranya semua calon yang tersenarai hadir di dalam mesyuarat pada hari ini, dan disokong oleh Encik Baharudin bin Omar.
- 2.2. Setiausaha memaklumkan bahawa daripada senarai 6 orang Anggota tersebut Tuan Haji Isa bin Mokhsin dan Tuan Haji Zulkifli bin Ismail tidak hadir ke mesyuarat pada hari ini. Maka perlu dibuat lantikan anggota yang lain.
- 2.3. Encik Mansor bin Abd Samat mencadangkan Lawyer Tuan Haji Mustafa bin Basri dan disokong oleh Encik Baharudin bin Omar. Encik Abdul Aziz bin Salleh

mencadangkan Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman dan disokong oleh Tuan Haji Abdullah bin Salleh, Persetujuan sebulat suara oleh Mesyuarat.

- 2.4. Bagi lantikan 4 orang Anggota Lembaga Koperasi untuk menganggotai Jawatankuasa ini, mesyuarat bersetuju keputusan lantikan tersebut diserahkan untuk dibincangkan dan dibuat perlantikan di dalam Mesyuarat Lembaga sesi 2016-2017 kelak.
- 2.5. Ahli Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke 9 adalah seperti berikut bagi Empat orang Anggota Koperasi yang dikekalkan dan dua orang yang baru dilantik ialah:
 - a. Ustaz Tuan Haji Ir Ahmad Zawawi bin Haji Mohd Ali
 - b. Dr. Haji Shaari bin Saad
 - c. Tuan Haji Ibrahim bin Hasan
 - d. Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh
 - e. Tuan Haji Mustafa bin Basri
 - f. Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman

3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke Lapan pada 13 November 2017 dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Khas yang telah diadakan pada 24 Februari 2017.

- 3.1. Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 8 dari muka surat 3 hingga muka surat 28 yang telah diadakan pada 13 November 2016 di Dewan At Taqwa.
- 3.2. Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Khas dari mukasurat 1 hingga mukasurat 7 yang telah diadakan pada 24 Februari 2016 di Dewan At Taqwa, seperti yang dipaparkan di layar putih.
- 3.3. Terdapat pindaan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 8 pada perkara 10.2 muka surat 24, di tambah perkataan 'juta' selepas RM 10.
- 3.4. Tuan Haji Abdullah bin Salleh telah mencadangkan supaya minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 8 diterima dan disahkan dan disokong oleh Encik Mohamad Faudzi bin Emby, diterima sebulat suara.
- 3.5. Bagi Minit Mesyuarat Agung Khas Encik Abdul Malik bin Abdul Razak mencadangkan supaya diterima dan disahkan, cadangan ini mendapat sokongan daripada Puan Misraja binti Haji Ismail. Persetujuan adalah sebulat suara.

4. Menimbang Laporan Lembaga Dan Laporan Tahunan 2015 – 2016 Jawatankuasa Audit Dalam

- 4.1. Dato' Pengerusi meminta Setiausaha membentangkan Laporan Lembaga Koperasi bagi Sesi 2015 - 2016 pada muka surat 32 - 54, seperti yang telah dinyatakan di dalam ucapan pengerusi untuk pertimbangan anggota.
- 4.2. Ahli Jawatankuasa Audit Dalam Dr Haji Shaari bin Saad telah membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2015-2016 pada muka surat 55 – 56, untuk pertimbangan anggota.
- 4.3. Pengerusi menerangkan berkenaan pelaksanaan beberapa program dan aktiviti koperasi berdasarkan Laporan Lembaga dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam yang telah dibentangkan seterusnya menjemput anggota yang hadir untuk memberi pandangan atau pertanyaan sekiranya ada.
- 4.4. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh merujuk kepada agenda di muka surat 2, selaras dengan apa yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi (UKK), beliau menyarankan penambahan 3 perkara di dalam agenda.
 - (a) Tambahan kepada agenda 9 iaitu 'Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi'.
 - (b) Tambahan agenda 'Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan koperasi'.
 - (b) Tambahan agenda 'Meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalam'.
- 4.5. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan supaya Laporan Lembaga dan Laporan Audit Dalam yang telah dibentangkan diterima, dengan memberikan beberapa teguran.
 - (a) Tajuk Laporan diubah kepada 'Laporan Tahunan 2015 - 2016 Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad'.
 - (b) Di dalam Laporan Jawatankuasa Audit Dalam perlu dinyatakan jumlah kekerapan sesi audit dalam yang telah dijalankan.
- 4.6. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh seterusnya memberi beberapa cadangan untuk memantapkan lagi Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalam perlu ada perkara-perkara berikut :

- (a) Cadangan kepatuhan perundangan secara keseluruhan.
 - (b) Pelanggaran perundangan (jika ada).
 - (c) Tadbir urus yang cekap iaitu Sistem Kawalan Dalaman (SKD).
 - (d) Penilaian prestasi kewangan, jika dapat dinyatakan 4 nisbah iaitu nisbah keberuntungan, kecekapan, kecairan dan struktur modal.
 - (e) Cadangan dan saranan daripada Jawatankuasa Audit Dalaman bagi penambahbaikan pengurusan yang berterusan.
- 4.7. Diharapkan pandangan dan cadangan ini dapat dilaksanakan dengan penghasilan Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman mengikut standard yang dapat dijadikan contoh kerana Koperasi ini adalah koperasi yang menjadi rujukan.
- 4.8. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh seterusnya membangkitkan berkenaan dengan meluluskan perbelanjaan atau bayaran elaun bagi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman yang tiada dalam agenda dan tiada di dalam penyata kewangan. Jawatankuasa ini adalah bahagian yang penting sebagai sokongan kepada pihak Anggota Lembaga Koperasi dan perlu ada sumber kewangan untuk bergerak aktif di dalam membuat auditan "check & balance" bagi memastikan tadbir urus yang cekap dan tiada ketirisan serta pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada UKK.
- 4.9. Beliau juga menyarankan supaya koperasi menubuhkan Jawatankuasa bagi setiap aktiviti perniagaan sebagai contoh bagi Koop Mart perlu ada mesyuarat secara berkala dan pelaporan kepada lembaga serta memudahkan penyediaan laporan tahunan. Juga dicadangkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Team) agar koperasi kita berkembang mengikut arus aspirasi kerajaan untuk memajukan koperasi.
- 4.10. Bayaran elaun kepada Anggota Lembaga Koperasi juga perlu ditetapkan tetapi tidak perlu dengan kadar yang tinggi sehingga boleh menyebabkan ketidakharmonian di dalam pentadbiran yang akan menyebabkan perebutan jawatan dan sebagainya, sebagai role model koperasi kariah masjid sehingga kini adalah yang terbaik dan tidak ada pertandingan di dalam pemilihan Anggota Lembaga Koperasi serta perkhidmatan yang diberikan adalah secara ikhlas. .

- 4.11. Seterusnya Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan supaya Laporan Lembaga dan Laporan Tahunan 2015 - 2016 Jawatankuasa Audit Dalaman yang telah dibentangkan diterima dan disokong oleh Encik Mansor bin Abd Samat.
- 4.12. Anggota juga bertanya berkenaan perkara 3.2 Laporan Tahunan Audit Dalaman tentang teguran chop deliver atau dibatalkan di dalam urusan pembelian dan penjualan. Perkara ini dijelaskan oleh Pengurus di mana ianya telah diambil tindakan selepas menerima teguran dari Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 4.13. Pertanyaan berkenaan perkara 3.4 Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman tentang penyediaan dasar-dasar dan peraturan untuk pembelian dan penjualan share atau saham koperasi yang lain, syarikat atau seumpamanya oleh Koperasi. Dato' Pengerusi menjelaskan sehingga kini tiada lagi dibincangkan dan akan mengambil tindakan terhadap perkara tersebut, juga pertanyaan berkenaan saham anggota yang keluar dan meninggal dunia, perkara ini adalah jelas di dalam UUK, cadangan penubuhan Kumpulan Wang Penebus Syer seperti yang termaktub dalam perkara 57(2) UUK perlu diwujudkan.
- 4.14. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas cadangan serta teguran yang telah diberikan terutamanya kepada Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh dan berjanji semua perkara ini akan dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga yang akan dilantik kelak. Walaupun begitu bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan semua cadangan dan membaiki semua perkara di dalam teguran yang telah diterima, ianya akan mengambil masa disebabkan banyak kekangan dari pelbagai sudut, memandangkan semua Anggota Lembaga Koperasi masih lagi aktif bekerja di dalam pelbagai sektor serta faktor masa yang terhad dan mungkin juga penambahan staf koperasi yang terlatih akan membantu di dalam perkara ini. Dato' pengerusi seterusnya memperakui akan segala kelemahan yang ada di dalam pengurusan koperasi, sebab itu kita memerlukan teguran, pelaporan yang dibuat bukan sekadar untuk mencantikkan format di dalam buku pelaporan, akan tetapi lebih dari itu ianya mencerminkan integriti dan akauntabiliti pengurusan, itulah hakikatnya koperasi ini dengan segala kelemahan yang ada yang akan diperbaiki dari masa ke semasa, dengan peningkatan pengetahuan pengurusan koperasi penambahan staf Insya Allah kita akan lakukan penambahbaikan sebagaimana saranan yang diterima.

5. Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mei 2016

- 5.1. Bendahari Encik Abd Ghafar bin Mohd Noor telah membentangkan maklumat kewangan telah diaudit di lampiran yang berwarna pink pada muka surat 1 sehingga muka surat 33. Akaun yang teraudit yang terdiri daripada kunci kira-kira yang berakhir pada 31 Mei 2016 dan penyata pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir Mei 2016. Secara keseluruhannya koperasi telah membuat keuntungan bersih bagi tahun semasa sebanyak RM 60,166.28 peningkatan hampir 100% dari tahun sebelumnya.
- 5.2. Akaun ini telah diauditkan oleh Juruaudit Rafida Rajab & CO (NF 0995), Akauntan Bertauliah (M) yang beralamat di No.79A-1 Kompleks Perniagaan Utama, Lebuhraya Sultanah Bahiyah 05350 Alor Setar, Kedah.
- 5.3. Bendahari juga menyatakan secara ringkas Laporan oleh Juruaudit Koperasi Bertauliah yang berdaftar dengan SKM (A) 0493, iaitu penyata kewangan ini memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada 31 Mei 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) di Malaysia.
- 5.4. Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh menyatakan pada keseluruhannya penyata kewangan yang berakhir pada Tahun Kewangan 31 Mei 2016 adalah memuaskan. Bagaimanapun beliau mencadangkan beberapa perkara untuk pertimbangan sebagai penambahbaikan iaitu :
 - (a) Pada muka surat 9 Penyata Pembahagian Keuntungan pada Pembahagian Lain dimasukkan kumpulan Wang Penebus Syer, bagi persediaan sekiranya anggota ingin berhenti atau menjual balik syer dan perlu dibayar di dalam tempoh 1 tahun, perkara ini terdapat di dalam UUK.
 - (b) Pada muka surat 11 dan 12 berkenaan perbelanjaan untuk JAD (Jawatankuasa Audit Dalaman) tidak dinyatakan kemungkinan telah dimasukkan di bawah perbelanjaan Mesyuarat Ahli Lembaga, beliau mencadangkan supaya diasingkan untuk penyata pada tahun hadapan supaya nampak lebih kemas sebab ianya adalah entiti yg berbeza peranannya di dalam koperasi.

- 5.5. Encik Huzaimi bin Husein wakil dari SKM mengucapkan syabas kepada pengurusan koperasi kerana daripada penyata tersebut dapat dilihat pendapatan koperasi telah meningkat dengan ketara dari RM400,000.00 tahun sebelum ini kepada lebih dari RM1,000,000.00 tahun semasa. Beliau telah memberi penerangan berkenaan :
- (a) Kebaikan penubuhan tabung-tabung bagi pembahagian keuntungan, seperti keuntungan pada tahun ini lebih dari RM60,000.00 terdapat lebih setelah ditolak dividen dan bahagian masjid, lebih itu tak perlu di bawa ke tahun hadapan seeloknya dimasukkan ke dalam tabung-tabung yang telah diwujudkan untuk manfaat anggota koperasi dan pengurusan boleh menggunakan walaupun wang berada di dalam akaun koperasi.
 - b- Akaun Rizab Statutori dari pandangan SKM Koperasi telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan akaun ini dengan jumlah yang tercatat adalah RM3,000.00 pada tahun 2016, bagaimanapun sepatutnya jika dilihat seperti yang tercatat di dalam liabiliti Kumpulan Wang Rizab Statutori adalah sebanyak RM29,987.48 bukan hanya RM3,000.00. Perincian ini akan dibuat berdasarkan pandangan SKM yang akan disemak secara terperinci oleh ibu pejabat tetapi akan mengambil masa yang agak lama, untuk makluman juga pihak SKM tidak akan mengeluarkan pandangan bagi akaun yang tidak bermasalah, jika ada pandangan dari SKM maka akaun tersebut ada masalah dan perlu dibaiki.
- 5.6. Tuan Haji Ramli bin Abd Rahman memohon keterangan berkenaan perincian Aset Semasa pada muka surat 7 dan 25 sebanyak RM27,140.12. Perkara ini dijelaskan oleh Bendahari tentang projek pentadbiran urusan pembinaan yang masih lagi belum mendapat bayaran di antara pihak masjid dan koperasi perlu verifikasi dan penyelarasan, pembayaran Tabung Modal Pusingan (TMP) yang dibayar secara lebih setiap bulan dan akan diselaraskan kemudian dan akhir sekali Karnival Koperasi yang masih ada lagi pembayaran yang belum diterima.
- 5.7. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih terhadap teguran dan pertanyaan serta penjelasan yang telah diberikan.
- 5.8. Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Mei 2016 telah diluluskan atas cadangan Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh dan disokong oleh Tuan Haji Ramli bin Abd Rahman.

6. Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Tahunan 2017

- 6.1. Bendahari Encik Abd Ghafar bin Salleh telah membentangkan Anggaran Belanjawan Tahunan 2016-2017 seperti di dalam penyata Anggaran Pendapatan dan Perrbelanjaan Koperasi bagi tahun 2016-2017 pada 2 muka surat di helaian yang berwarna kuning untuk kelulusan.
- 6.2. Dato' Pengerusi menerangkan beberapa justifikasi bagaimana statistik perangkaan yang diperolehi berdasarkan beberapa faktor antaranya kenaikan harga barang semasa dan lain-lain lagi. Tumpuan unjuran perbelanjaan dan pendapatan kepada Koop Mart dan Projek ternakan ayam serta KoTaqwa Inn, bagi projek lain unjuran perbelanjaan dan pendapatan adalah statik lebih kepada perkhidmatan dan sewaan. Bagi Kedai KoTaqwa kemungkinan akan diserahkan secara lantikan vendor di kalangan anggota yang mempunyai keupayaan untuk modal dan pengalaman perniagaan peruncitan.
- 6.3. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh menyarankan supaya tajuk ditukarkan kepada Anggaran Belanjawan Tahunan Mei 2017 – Mei 2018, memandangkan tempoh 01 Mei 2017 hanya tinggal 6 bulan dari sekarang.
- 6.4. Beliau meminta dimasukkan anggaran perbelanjaan bagi Jawatankuasa Audit Dalaman di dalam Anggaran Belanjawan Tahunan ini.
- 6.5. Dato' Pengerusi memberi komitmen perkara ini akan diambil tindakan dan dibetulkan pada masa hadapan.
- 6.6. Cadangan diterima dan diluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan Mei 2017 – Mei 2018 oleh Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh dan disokong oleh Tuan Haji Mat Zan bin Ghazali.

7. Meluluskan Elaun-Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalaman

- 7.1. Encik Abdul Ghafar bin Salleh selaku Bendahari sekali lagi membentangkan hasil keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga yang mencadangkan :

" Ahli Lembaga mencadangkan Elaun Tahunan RM 2,500.00 iaitu dalam anggaran 4.15% daripada keuntungan tahun semasa RM 60,166.28 diberi kepada setiap Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman (Anggaran jumlah adalah RM 156.25). Anggota Lembaga dan Juruaudit Dalaman berjumlah

seramai 16 orang dan setiap Ahli Lembaga & Juruaudit dalaman akan mendapat dalam RM156.25 seorang”

- 7.2. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh bertanyakan jika terdapat lain-lain elaun yang diterima oleh Anggota Lembaga, Dato ` Pengerusi menjelaskan bahawa terdapat Elaun Kehadiran mesyuarat sebanyak RM 20 diberikan kepada setiap Anggota Lembaga yang hadir begitu juga Ahli Jawatankuasa Audit dalaman yang dijemput hadir bersama atau semasa sesi audit. Seterusnya Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan supaya Elaun Mesyuarat bagi Jawatan Pengerusi dinaikkan kepada RM 50.00, Jawatan Setiausaha dan Bendahari RM 30.00 serta kekal RM 20.00 bagi para Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) yang lain. Cadangan ini disokong oleh Dr Imran bin Abdul Khalid serta mendapat sokongan secara sebulat suara.
- 7.3. Tuan Haji Ramli bin Abd Rahman mencadangkan Elaun-Elaun yang dibentangkan untuk Anggota Lembaga diterima untuk diluluskan dan di sokong oleh Dr Imran bin Abdul Khalid serta mendapat sokongan secara sebulat suara.

8. Memilih Empat (4) Anggota Lembaga Koperasi yang baru untuk Mengisi 4 Kekosongan bagi mereka yang gugur mengikut giliran.

- 8.1. Dato' Pengerusi telah mengumumkan empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi yang digugurkan iaitu:
 - 1) Tuan Haji Ishak bin Salleh
 - 2) Tuan Haji Hasbullah bin Abu Hassan
 - 3) Tuan Haji Marzuki bin Abd razak
 - 4) Haji Abdul Razak bin Mohd Ali
- 8.2. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan supaya 4 orang Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran supaya dilantik semula, cadangan ini disokong oleh Che Hassan bin Md Issa.
- 8.3. Encik Abd Aziz bin Mohd sallah juga menyarankan agar dibincangkan berkenaan tempoh perkhidmatan bagi Anggota Lembaga Koperasi dilanjutkan ke 3 tahun. Jika diperlukan perlu dimasukkan dan pindaan di dalam UUK. Dato' Pengerusi berkata perkara ini akan dibawa ke perbincangan Anggota Lembaga Koperasi.
- 8.4. Tuan pengerusi mengucapkan terima kasih di atas perlantikan Ahli Lembaga Koperasi bagi Sesi 2016-2017, dan senarai penuh Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti berikut :

- (a) Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abdul Rahman
- (b) Haji Rosli bin Haron
- (c) Encik Abd Ghafar bin Mohd Noor
- (d) Encik Abdul Rahman bin Abdullah
- (e) Haji Samperna bin Din
- (f) Haji Romli bin Jaafar
- (g) Haji Azmi bin Ismail
- (h) Cikgu Anwaruddin bin Ismail
- (i) Encik Marzuki bin Abdul Razak
- (j) Haji Hasbullah bin Abu Hassan
- (k) Haji Ishak bin Salleh
- (l) Haji Abd Razak bin Mohd. Ali

8.5. Bagi perlantikan anggota Jawatankuasa Audit Dalaman akan dibuat di dalam Mesyuarat Lembaga Koperasi, seperti termaktub dalam UUK.

9. Meluluskan Perlantikan Satu Panel Yang Terdiri daripada tidak kurang dari dua Firma Juruaudit Bagi Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi.

9.1. Bendahari membentangkan cadangan oleh Anggota Lembaga Koperasi iaitu tiga Jabatan/Firma yang dicadangkan untuk menjadi Panel Juruaudit Koperasi iaitu :

- (a) MNZWAJ ASSOCIATES
- (b) AJ ISMA & PARTNER
- (c) RAFIDA REJAB & CO

9.2. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan supaya diserahkan kepada Mesyuarat Lembaga Koperasi untuk menentukan perlantikan Firma Juruaudit, dan disokong oleh Encik Baharuddin bin Omar.

10. Menimbang dan meluluskan 2 Aturan Aktiviti yang dibentangkan oleh Lembaga serta apa-apa laporan dan cadangan daripada anggota.

10.1. Dato' Pengerusi memaklumkan bagi Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 9 ini ada 2 Aturan Aktiviti yang akan dibentangkan.

- (a) Aturan Aktiviti Khariat Kematian
- (b) Aturan Aktiviti Ternakan Ayam

10.2. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh menyatakan sepatutnya kertas cadangan aturan aktiviti ini diedarkan kepada anggota supaya dapat memberi ulasan dan

pandangan, bagaimanapun beliau mencadangkan supaya mesyuarat memberi kepercayaan penuh kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk penyediaan dan seterusnya mencadangkan supaya Aturan Aktiviti ini diterima dan disokong oleh Encik Mansor bin Abd Samat.

11. Menentukan Had Pelaburan dan Maksimum Keterhutangan Koperasi

11.1. Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh membuat cadangan supaya had pelaburan dan had maksimum keterhutangan hendaklah dikekalkan sebanyak RM 10 juta dan disokong oleh Tuan Haji Abdullah bin Salleh.

12. Mendengar, Menimbang Atau Meluluskan Usul Anggota Sekiranya Ada Yang Diberikan Di Dalam Masa Tidak Kurang Dari 7 Hari.

12.1. Setiausaha memaklumkan tidak menerima sebarang usul dari Anggota di dalam tempoh notis yang diberikan.

12.2. Usul daripada Anggota Lembaga Koperasi, Bendahari telah membentangkan cadangan pembahagian keuntungan iaitu :

“ Cadangan Kadar Dividen sebanyak 10% daripada Modal Syer Anggota bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mei 2016 ”

12.3. Cadangan ini adalah daripada Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi berdasarkan Laporan Juru Audit Bertauliah.

12.4. Cadangan diterima oleh Encik Abdul Aziz bin Salleh dan disokong oleh Encik Md Salleh bin Abu Bakar . Mesyuarat telah meluluskan Kadar Dividen sebanyak 10% bagi Tahun Kewangan Berakhir Mei 2016 secara sebulat suara.

12.5. Bagi urusan untuk agihan saham akan dibuat dengan segera, untuk anggota yang mempunyai saham kurang dari jumlah maksimum boleh menunaikan atau pun dimasukkan sebagai tambahan kepada jumlah saham sedia ada, tetapi bagi anggota yang mempunyai jumlah saham yang melebihi had nilai maksimum iaitu RM 10,000.00 tidak boleh dimasukkan sebagai tambahan saham sedia ada.

13. Ucapan Penangguhan

13.1. Encik Mohd Huzaimi bin Hussein selaku wakil SKM Cawangan Pulau Pinang mengucapkan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi yang telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9. Juga penghargaan kepada para anggota koperasi yang memberikan komitmen masa untuk hadir menjayakan mesyuarat pada hari ini sehinggakan koperasi dapat melaksanakan

peruntukan akta bagi perjalanan sebuah koperasi masjid. Beliau juga menyampaikan ucapan salam dari Pengarah SKM Cawangan Pulau Pinang juga ucapan salam dari pegawai penyelia koperasi dari pejabat SKM di Bukit Mertajam kerana tidak dapat hadir bersama disebabkan ada komitmen lain di Alor Setar. Beliau menyeru supaya anggota dapat memberi sokongan idea, masa dan tenaga serta menambah modal syer untuk perkembangan koperasi. Pada hari ini perjalanan mesyuarat agung alhamdulillah berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat dan mengikut UUK, beliau mengingatkan beberapa peraturan yang perlu diikuti berdasarkan UUK di atas isu-isu yang dibangkitkan. Seterusnya beliau melahirkan penghargaan di atas kerjasama dan hubungan yang baik pengurusan koperasi dengan SKM, moga ini dapat diteruskan selamanya. Akhir kata beliau mendoakan supaya Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah ini akan terus menempa kejayaan di masa hadapan berkat usaha dan doa dari semua, kejayaan di dunia dan akhirat.

- 13.2. Tuan Dr Imran bin Abd Khalid mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap, secara perbandingan beliau yang berasal dari Kelantan dan apabila berhijrah ke sini sukar bagi beliau untuk mendapatkan keperluan barangan dari kedai muslim, melalui koperasi beliau berharap kita bukan sahaja menjana ekonomi ummah tetapi sebaliknya kita juga menjana kebajikan kerana hasil keuntungan dapat disalurkan dan diberikan kepada masjid sebagai satu sumber kewangan untuk pengurusan. Sejarah dari sirah perkembangan Islam menunjukkan kepada kita bahawa membangunkan ekonomi juga adalah sebagai salah satu jihad yang dituntut, maju ekonomi maka majulah kita dalam berjihad dan membawa lebih banyak kebajikan.
- 13.3. Pengurus Koperasi, Tuan Haji Azmi bin Ismail berharap para anggota sama-sama menyokong untuk memajukan lagi koperasi dengan berusaha bagi melariskan lagi jualan barangan di Koop Mart dan supaya selalu berkunjung membeli di Koop Mart. Sekiranya anggota ada mengeluarkan barangan Islam yang ingin dipasarkan boleh menggunakan Koop Mart sebagai platform dan koperasi sedia membantu. Beliau berharap supaya medium yang dibangunkan oleh koperasi digunakan bagi faedah koperasi sahaja seperti Group Whatsapp, Facebook dan Website mohon kerjasama dari semua anggota koperasi.
- 13.4. Dato' Pengerusi mengucapkan penghargaan kepada semua anggota yang hadir pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-9 dan terima kasih. Seterusnya

menjemput semua tetamu jemputan dan para anggota untuk menikmati jamuan tengahari yang disediakan.

14. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Dato' Pengerusi tepat jam 12.35 tengahari, dengan tasbih kaffarah dan surah Al Asr.

Disediakan oleh,

.....

(Haji Rosli bin Haron)

Setiausaha

Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad

Disahkan oleh,

.....

(Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abd Rahman)

Pengerusi

Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 9 – 13 November 2016

Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad

Telah disahkan oleh Jawatankuasa Menentukan Minit :

1. Dato' Ir.Haji Ahmad Zakiyuddin bin Dato' Abdul Rahman
2. Haji Romli bin Jaafar
3. Encik Marzuki bin Abdul Razak
4. Haji Abd Razak bin Mohd. Ali
5. Ustaz Haji Ir Ahmad Zawawi bin Haji Mohd Ali
6. Dr. Haji Shaari bin Saad
7. Tuan Haji Ibrahim bin Hasan
8. Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh
9. Tuan Haji Mustafa bin Basri
10. Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman